

Semai sikap sayangi pemimpin

Sesebuah organisasi tidak akan capai objektif jika tiada semangat kerjasama



Pemimpin perlu menunjukkan kepemimpinan yang amanah dan bertanggungjawab untuk dicontohi.

[GAMBAR HIASAN]

Bukan semua negara di dunia ini mempunyai daulat, apatah lagi mempunyai rakyat berbilang agama dan kaum. Malaysia adalah negara yang lengkap bercirikan asal usul dan latar belakang warga yang pelbagai.

Rakyatnya bebas mengamalkan anutan agama dan budaya sekali gus menonjolkan kepelbagaian cara hidup yang mewarnai keharmonian berkongsi. Kemewahan ini bukan sahaja harus dipertahankan, tetapi perlu ditingkatkan supaya kita sentiasa kekal menikmati.

Rasulullah SAW sendiri pernah mengungkapkan perasaan kasihnya sewaktu tiba di Madinah dalam peristiwa hijrah dengan sabdanya: "Ya Allah, berikanlah kecintaan kami kepada Madinah sebagaimana Engkau berikan kecintaan kepada Makkah atau lebih daripada itu; dan bersihkanlah ia serta berkatilah kepada kami dalam makanan dan bekalnya dan gantikan wabak penyakitnya dengan juhfah (bebas penyakit)." (Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Justeru, antara kewajipan rakyat sebuah negara yang mewah budaya ini ialah saling memahami dan menghormati. Sikap tamak dan mementingkan diri sendiri amat merugikan, ibarat kita membuang harta karun yang sudah menjadi milik kita.

AL-QURAN

"Dan sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertakwa, tentulah Kami bukannya kepada mereka keberkatan dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (Rasul Kami) lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan"

Surah al-A'raf (ayat 96)

Rugi kerana tamak

Sikap tamak menjadikan manusia sentiasa rugi sebaliknya sikap berlapang dada serta sentiasa ikhlas dalam tugas sebagai khilafah Allah di dunia ini, umat Islam akan teguh berdiri kerana setiap perbuatan yang ikhlas digandakan kebajikannya.

Tiada keikhlasan dalam setiap tindak-tanduk mungkin boleh menyebabkan kita kufur terhadap nikmat sementara yang Allah kurniakan. Sebab itulah kita harus sentiasa bersyukur dan menghargai setiap kejadian Allah SWT.

Allah SWT berfirman: "Demi sesungguhnya, adalah bagi penduduk negeri Saba', satu tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) yang terdapat di tempat tinggal mereka, iaitu dua kumpulan kebun (yang luas lagi subur), yang terletak di sebelah kanan dan di sebelah kiri (kampung mereka), (lalu dikatakan kepada mereka): Makanlah dari rezeki pemberian Tuhan kamu dan bersyukur-

lah kepadanya (negeri kamu ini adalah negeri yang baik (aman dan makmur), dan (Tuhan kamu adalah) Tuhan yang Maha Pengampun!" (Surah Saba', ayat 15)

Kesetiaan rakyat kepada negara adalah keyakinan bahawa negara ini lebih baik daripada negara lain atau setidak-tidaknya mampu meningkatkan keupayaan supaya lebih baik daripada sebelumnya. Setiap warga negara harus memberi sumbangan ke arah pembinaan negara yang makmur.

Jiwai kepentingan agama, bangsa

Pada masa sama, perlu menjiwai kepentingan agama dan bangsa. Dengan itu setiap rakyat akan berusaha bersungguh-sungguh di atas kapasiti sebagai warga negara menjadikan negara ini cemerlang.

Rasulullah SAW bersabda: "Barang siapa yang mentaatiku, maka sesungguhnya dia telah mentaati Allah. Dan sesiapa yang mengingkariku, maka sesungguhnya dia telah mengingkari Allah. Juga sesiapa mentaati pemerintahku, maka sesungguhnya dia juga mentaatiku, dan sesiapa yang menging-

kari pemerintahku, maka sesungguhnya dia telah mengingkariku." (Riwayat al-Bukhari)

Walau bagaimanapun, situasi semasa turut memperlihatkan terdapat segeintir warga negara yang hanya akan setia kepada negara jika mereka diperintah oleh pemerintah yang mereka suka. Ini bukan sesuatu yang luar biasa.

Keadaan ini menyukarkan kelancaran kepemimpinan. Sikap tidak mahu bekerjasama, tidak menghormati serta mempunyai hala tuju berbeza tidak memungkinkan sesebuah organisasi mencapai objektifnya dengan baik dan terarah.

Selain menuntut kesetiaan rakyat, pemimpin harus terlebih dulu menunjukkan kepemimpinan yang amanah dan bertanggungjawab. Mereka harus berpegang dengan tali agama, melaksanakan kewajipan, janji serta tidak berperang dengan masalah sahsiah yang mungkin boleh menjatuhkan kredibiliti diri.

Firman Allah SWT: "Dan sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertakwa, tentulah Kami bukannya kepada mereka keberkatan dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (Rasul Kami) lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan." (Surah Al-A'raf, ayat 96)

Kasih kepada pemimpin

Jika pemimpin sudah terpimpin, maka tiada rakyat yang berhak ingkar kepada kepemimpinan itu. Islam sentiasa menuntut umatnya bersifat kasih kepada pemimpin dan negara kerana ia sebahagian daripada cabang keimanan.

Malah, jika ada yang tidak patuh, mereka haruslah diperbetulkan dengan cara selayaknya mengikut undang-undang.

Allah SWT berfirman: "Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala amanah kepada ahlinya dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, supaya kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah memberi pengajaran sebaik-baiknya kepadamu. Sesungguhnya Allah sentiasa mendengar, lagi sentiasa melihat." (Surah An-Nisa', ayat 58)



NIK SALIDA SUHAILA

Pensyarah Kanan
Fakulti Syariah dan
Undang-Undang
Universiti Sains
Islam Malaysia